

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

1. Senaraikan sempadan-sempadan Lebuhraya PLUS dalam KADUN Seri Delima, kontraktor pembersihan dan juga jadual yang berkenaan.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Sempadan penyelenggaraan laluan di bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) di kawasan DUN Seri Delima adalah di Persimpangan Bertingkat Udini dan di Persimpangan Bertingkat Tengku Kudin.

Kerja penyelenggaraan dan pembersihan di kawasan ini dilaksanakan oleh pihak konsesi iaitu PLUS Bhd. mengikut jadual penyelenggaraan yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

2. Senaraikan nama syarikat kontraktor pembersihan dan jadual pembersihan rizab-rizab sungai di bawah seliaan JPS di Taman Tun Sardon dan Greenlane Heights?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Syarikat kontraktor pembersihan serta jadual pembersihan rizab-rizab sungai di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) di Taman Tun Sardon dan Greenlane Heights adalah seperti berikut:

Taman Tun Sardon

Kontraktor: Bina Pulau Enterprise

Jadual Pembersihan: 11 pusingan (Februari 2021 sehingga Disember 2021)

Bil.	Nama Tempat	Lebar (m)	Panjang (m)	Luas (sq.m)
1.1	PARIT KONKRIT SG. GELUGOR	6	2800	16,800
	Parit konkrit Taman Tun Sardon bermula dari Apartment Mutiara Indah (Bukit Gambir) hingga ke Lebu Raya Pantai.			

1.2	Sungai Gelugor bermula dari Jalan Sultan Azlan Shah hingga ke Lebuhraya Pantai.	12	350	4,200
1.3	Parit konkrit Masjid Kampung Sungai Gelugor.	4	400	1,600
1.4	Cabang Sungai Gelugor (Parit M 9).	8	520	4,160
1.5	Bermula dari Jalan Permai hingga ke Parit Konkrit Taman Tun Sardon.	6	98.4	590.4
	<u>PARIT KONKRIT BATU UBAN</u>			
1.6	Bermula dari Kampong Batu Uban hingga ke muara berdekatan Restoran Nurul Ikan Bakar.	6	1,100	6,600
1.7	Parit Lintang Jerejak 6.	6	250	1,500

Greenlane Heights

Kontraktor: Quwaidir Enterprise

Jadual Pembersihan: 11 pusingan (Februari 2021 sehingga Disember 2021)

Bil.	Nama Tempat	Lebar (m)	Panjang (m)	Luas (sq.m)
	<u>HULU SUNGAI JELUTONG</u>			
1.1	Jalan Gangsa ke Jalan Masjid Negeri ke belakang Sekolah Convent Greenland ke Jalan Hijau 3 ke Lorong Hijau 3.	13	1,972	25,636

1.2	<p><u>CABANG SUNGAI JELUTONG 1</u></p> <p>Jalan Masjid Negeri ke Lebuhraya Batu Lanchang ke Surau Flat IJM ke Lengkok Batu Lanchang ke Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim ke Jalan Bagan Serai ke Lorong Cantik.</p>	8	1,051	8,408
1.3	<p><u>CABANG SUNGAI JELUTONG 2</u></p> <p>Jalan Masjid Negeri ke Lebuh Gelugor ke Pangsapuri Central Garden ke belakang Sekolah Menengah Jelutong ke Jalan Hikmat ke Lorong Kaya ke Jalan Tenang ke Jalan Pancur.</p>	9	1,768	15,912
1.4	<p><u>CABANG SUNGAI JELUTONG 3</u></p> <p>Lorong Hijau 5 ke Lorong Hijau 6 ke Lorong Hijau 7 ke Lorong Hijau 8 ke Jalan Van Pragh ke belakang Sekolah Menengah Heng Ee.</p>	5	700	3,500

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

3. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (MBPP dan MBSP) berhasrat untuk memutihkan penjaja-penjaja haram yang berniaga di atas tanah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan?

(a) Sekiranya ada, senaraikan langkah-langkah tersebut.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa peka terhadap isu penjaja-penjaja haram yang berniaga di atas tanah kerajaan mahupun persendirian. Justeru, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan golongan penjaja-penjaja haram ini dapat dilesenkan secara sah mengikut perundangan yang terpakai.

(a) Antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam menjalankan proses pemutihan penjaja-penjaja haram di seluruh negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- i. Mengisi tapak pasar/ kompleks/ tapak penjaja MBPP dan MBSP dengan lebih kerap serta proses permohonan dan temuduga dilaksanakan secara atas talian bagi memastikan orang awam boleh memohon dan mendapat tapak perniagaan;

- ii. Mengeluarkan lesen kepada mana-mana penjaja yang berniaga di atas tanah kerajaan atau persendirian terutamanya penjaja di tepi jalan tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat sedia ada;
- iii. Mengeluarkan permit sementara kepada aktiviti perniagaan secara bermusim (buah - buahan bermusim) yang dijalankan di atas tanah kerajaan negeri / tepi jalan; dan
- iv. Mengwujudkan lokasi penempatan semula penjaja bagi penjaja yang tidak berlesen di 21 buah lokasi di kawasan MBPP dan 25 buah lokasi di kawasan MBSP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

4. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap penjawat-penjawat awam yang masih enggan menerima vaksin?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. JPA telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021: Dasar Pelaksanaan Imunisasi COVID-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan pada 18 Oktober 2021. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju dengan pemakaian pekeliling berkenaan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuklah Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing - masing.

Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mengambil tindakan terhadap penjawat awam negeri yang masih enggan menerima vaksin berpandukan pekeliling tersebut, yang menetapkan bahawa penjawat- penjawat awam yang masih enggan menerima vaksin bukan atas sebab kesihatan dan telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar boleh dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

5. Berapakah jumlah taska-taska, tadika dan pusat jagaan yang berdaftar?
- (a) Berapakah yang masih belum berdaftar?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) dan Pusat Jagaan yang berdaftar di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

KATEGORI	BILANGAN BERDAFTAR	AGENSI
TASKA	130	Jabatan Kebajikan Masyarakat
TADIKA	302	Jabatan Pendidikan Negeri
Pusat Jagaan	110	Jabatan Kebajikan Masyarakat

- (a) Jumlah TASKA, TADIKA dan Pusat Jagaan yang masih belum berdaftar adalah seperti berikut:

KATEGORI	BILANGAN TIDAK BERDAFTAR
TASKA	49
TADIKA	233
Pusat Jagaan	186

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

6. Berapakah jumlah gelanggang bola jaring, futsal, bola tampar dan bola keranjang di Pulau Pinang? Senaraikan lokaliti yang berkenaan.

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Lokaliti bagi gelanggang bola jaring, futsal, bola tampar dan bola keranjang di Pulau Pinang mengikut daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**1. MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG**

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
1	BOLA KERANJANG LELAKI	GELANGGANG BOLA KERANJANG BERAPIT, BUKIT MERTAJAM
2		SMJK DATUK KERAMAT, GEORGE TOWN
3	BOLA KERANJANG WANITA	GELANGGANG BOLA KERANJANG BERAPIT, BUKIT MERTAJAM
4		SMJK DATUK KERAMAT, GEORGE TOWN
5	BOLA JARING	SMK MUTIARA IMPIAN, SIMPANG AMPAT
6	BOLA TAMPAR (DEWAN)	PUSAT LATIHAN BOLA TAMPAR, KG. BUAH PALA
7	BOLA TAMPAR (PANTAI)	SMK PENANTI, KUBANG SEMANG
8	FUTSAL	JESSELBALL SPORTS CENTRE ALMA

2. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
1	GELANGGANG BADMINTON	DEWAN ISMAIL CHE CHIK, KADUN PENAGA
2		PEJABAT DAERAH & TANAH SPU
3		DEWAN MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, KADUN PERMATANG BERANGAN
4		DEWAN BESAR SUNGAI DUA, KADUN SUNGAI DUA
5		DEWAN MUHIBBAH MERBAU KUDUNG, KADUN SUNGAI DUA
6		DEWAN PAJAK SONG, KADUN SUNGAI DUA
7		DEWAN SIMPANG EMPAT PERMATANG BULUH, KADUN SUNGAI DUA
8		DEWAN MASYARAKAT PERMATANG TOK JAYA, KADUN SUNGAI DUA
9	GELANGGANG BOLA JARING	PEJABAT DAERAH & TANAH SPU
10	GELANGGANG BOLA TAMPAR	PEJABAT DAERAH & TANAH SPU
11		PANTAI ROBINA, KADUN TELOK AYER TAWAR
12	GELANGGANG FUTSAL	KAMPUNG GUAR TUAN SYED, KADUN PENAGA
13		PADANG KAMPUNG SELAMAT, KADUN PINANG TUNGGAL
14		DEWAN BESAR SUNGAI DUA, KADUN SUNGAI DUA
15		PANTAI TAMAN ROBINA, KADUN TELOK AIR TAWAR
16		POKOK MACHANG, KADUN PERMATANG BERANGAN
17	TAMAN SUNGAI DUA UTAMA, KADUN SUNGAI DUA	
18	GELANGGANG SEPAK RAGA TUJU	PADANG AWAM PONGSU SERIBU, KADUN BERTAM
19	GELANGGANG SEPAK TAKRAW	DEWAN RANTAU PANJANG, KADUN PENAGA
20		DEWAN MUHIBBAH MERBAU KUDUNG, KADUN SUNGAI DUA
21		DEWAN MASYARAKAT PERMATANG TOK JAYA, KADUN SUNGAI DUA
22		DEWAN MPKK BAGAN AJAM, KADUN TELOK AYER TAWAR

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
23	GELANGGANG SEPAK TAKRAW	DEWAN MPKK SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH, KADUN SUNGAI DUA
24		DEWAN BANJIR PENGKALAN BONGOR, KADUN PENAGA
25		TAMAN PENAGA, KADUN PENAGA

3. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
1	GELANGGANG FUTSAL	GELANGGANG FUTSAL TAMAN GUAR PERAHU
2		GELANGGANG FUTSAL PERMATANG ARA
3		GELANGGANG FUTSAL KAMPUNG JAWA
4		GELANGGANG FUTSAL PERKAMPUNGAN JURU
5		GELANGGANG FUTSAL TAMAN SEJAHTERA
6		GELANGGANG FUTSAL PERDA
7		GELANGGANG FUTSAL TAMAN SIAKAP
8		GELANGGANG FUTSAL TAMAN AROWANA
9		GELANGGANG FUTSAL ALMA JAYA
10	GELANGGANG BOLA KERANJANG	GELANGGANG BOLA KERANJANG BERBUMBUNG DI TAMAN IMPIAN, BUKIT MERTAJAM
11		GELANGGANG BOLA KERANJANG DI SOLOK BUKIT KECIL, BUKIT MERTAJAM
12		GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PERKAMPUNGAN BERAPIT, BUKIT MERTAJAM
13	GELANGGANG BOLA KERANJANG DI PERKAMPUNGAN JURU, BUKIT MERTAJAM	
14	GELANGGANG BOLA JARING	GELANGGANG BOLA JARING LEBUH TUNA, SEBERANG JAYA

4. PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI SELATAN

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
1	GELANGGANG FUTSAL	GELANGGANG FUTSAL JAWI (BERSEBELAHAN PADANG AWAM JAWI)
2		GELANGGANG FUTSAL SG KECHIL
3		GELANGGANG FUTSAL SG. DURI
4		GELANGGANG FUTSAL SG ACHEH
5		GELANGGANG FUTSAL SIMPANG TIGA
6		GELANGGANG FUTSAL TAMAN MERAK
7	GELANGGANG BOLA TAMPAR	GELANGGANG BOLA TAMPAR JAWI (BERSEBELAHAN PADANG AWAM JAWI)
8	BOLA KERANJANG	GELANGGANG BOLA KERANJANG JAWI (BERSEBELAHAN PADANG AWAM JAWI)

5. PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT

BIL.	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
1	GELANGGANG FUTSAL	PERKARANGAN DEWAN MPKK SUNGAI NIBONG KECHIL
2		BERSEBELAHAN DEWAN MPKK SUNGAI GELUGOR
3		TANAH TAMBUN JETI LEE, PENGKALAN WELD
4		DI DALAM DEWAN MPKK BATU FERINGGHI
5		PERSIARAN KARPAL SINGH, SUNGAI PINANG
6		BERSEBELAHAN DEWAN MPKK SUNGAI DUA
7	BOLA KERANJANG	PENANG COURT 1 SUNGAI PINANG

6. PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH BARAT DAYA

BIL	JENIS KEMUDAHAN	LOKASI
1	GELANGGANG FUTSAL	GELANGGANG FUTSAL KAMPUNG JAWA
2		GELANGGANG FUTSAL BUKIT GEDUNG
3		GELANGGANG FUTSAL SUNGAI ARA
4		GELANGGANG FUTSAL BUKIT KECHIL
5		GELANGGANG FUTSAL SUNGAI BATU
6		GELANGGANG SERBAGUNA KONGSI
7		GELANGGANG FUTSAL TITI TERAS
8		GELANGGANG FUTSAL TELUK AWAK
9	GELANGGANG BOLA SEPAK	PADANG BOLA SEPAK PERMATANG DAMAR LAUT
10		PADANG AWAM KONGSI
11	GELANGGANG SEPAK TAKRAW	GELANGGANG TAKRAW PERMATANG DAMAR LAUT
12		GELANGGANG TAKRAW SUNGAI PINANG
13		GELANGGANG TAKRAW/ BADMINTON SUNGAI ARA
14	GELANGGANG BADMINTON	GELANGGANG BADMINTON (BERSEBELAHAN DEWAN MPKK GERTAK SANGGUL)
15	BOLA KERANJANG	GELANGGANG BOLA KERANJANG PANTAI ACHEH

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XVII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

7. Apakah persediaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menerima pelancong-pelancong antarabangsa pada zaman pasca pandemik?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Pada zaman pasca pandemik ini, Kerajaan Negeri lebih mengutamakan pemulihan keyakinan pelawat dan meningkatkan pendedahan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan di rantau Asia. Selain mengetengahkan Prosedur Operasi Standard (SOP) keselamatan seperti Program Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan Pasca COVID-19 dan Kempen Pelancongan Bertanggungjawab, Kerajaan Negeri juga mengutamakan kempen Pelancongan Mampan (*sustainable tourism*) dan aktiviti alam semula jadi. Strategi-strategi pada tahap ini akan menggalakkan permintaan melalui kempen penjenamaan (*branding campaign*), meningkatkan hasil pendapatan melalui kempen taktikal perkongsian strategik (*strategic partnership tactical campaign*), penglibatan jenama (*brand engagement*) dan penjajaran industri (*industry alignment*). Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengutamakan promosi Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan para pelancong antarabangsa kerana Negeri Pulau Pinang telah mendapat dua (2) pengiktirafan status *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO), iaitu UNESCO *George Town World Heritage Site* dan *Penang Hill UNESCO Biosphere Reserve* (PHBR) bagi menarik lebih ramai pelancong domestik dan luar negara.